

# Kesibukan tugas bukan alasan abai kesihatan

BH (WANITA) 11 MAC 2018 (A100) H/S 56

[FOTO MUHD ASYRAF SAWAL /BH]



**Yuserrie melihat pelajar menjalani pemeriksaan kesihatan** pada Majlis Perasmian Penutup Minggu Hari Wanita Sedunia 2018 di Kuantan, semalam.

**Kuantan:** Wanita disarankan mengambil peluang inisiatif atau program dilaksanakan kerajaan sempena Tahun Memperkasa Wanita 2018 (TMW18) bagi menunjukkan kemahiran dan bakat dalam pelbagai bidang.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**, Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin, berkata wanita hari ini dilihat bergerak ke hadapan dalam pelbagai bidang terutama pendidikan, kemahiran pekerjaan dan kepemimpinan.

"Jika kita lihat keadaan dan pencapaian wanita pada hari ini, boleh dibangakakkan berbanding lebih 50 tahun lalu. Mereka kini lebih berjaya dan memainkan peranan penting dalam sebuah pembangunan."

## Jumlah wanita bekerja meningkat

"Perkara ini dapat dibuktikan dengan jumlah wanita yang bekerja dalam perkhidmatan di sektor kerajaan atau swasta semakin meningkat dan tidak kurang juga yang menjadi pemimpin di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian penutup minggu Hari Wanita Sedunia 2018 peringkat UMP di UMP Kampus Gambang, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Presiden Persatuan Wanita UMP (Matahari), Prof Datin Dr Mimi Sakinah Abdul Munaim dan Dekan Pembangunan Pelajar Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMP, Dr Muhamad Mat Noor.

Lebih 1,000 kakitangan dan pelajar universiti itu menyertai pelbagai program sempena sambutan Hari Wanita Sedunia di universiti berkenaan yang diadakan selama seminggu.

Program anjuran Sekretariat Generasi Siswa Sihat (GENESIS) dengan kerjasama Pusat Kesihatan Pelajar UMP dan Persatuan Wanita UMP (Matahari) itu berkonsepkan kesihatan untuk memberi kesedaran mengenai aspek kesihatan kepada warga UMP.

## Hargai sumbangan

Pada majlis sama, pensyarah Bahasa Inggeris Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, Dr Norrihan Sulan dinobatkan sebagai penerima Anugerah Srikantha Matahari manakala pelajar ijazah doktor falsafah Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Rubaiyi Mat Zaid menerima Hadiah Tunas Harapan Matahari sebagai menghargai sumbangan mereka dalam bidang yang diceburi dan khidmat bakti kepada masyarakat.

Sementara itu, Yuserrie berkata, wanita yang berkerjaya mempunyai cabaran tersendiri termasuklah memikul tanggungjawab lain sebagai isteri dan ibu.

"Wanita perlu sedar bahawa kesibukan mereka dalam menguruskan kerja harus diseimbangkan dengan kesihatan. Kebanyakan mereka kurang memberi perhatian terhadap kesihatan sehingga salah ia mula terganggu. Jadi, sambutan kali ini memberi fokus kepada aspek berkenaan," katanya.